

Aishah, Ruffedge gegar DFP

Pelbagai konsert menarik musim 2022 babit penyanyi terkenal tanah air

Oleh Serimah Mohd Sallehuddin
bhhip@bh.com.my

Dewan Filharmonik PETRONAS (DFP) dan Orkestra Filharmonik Malaysia (MPO) berusaha memartabatkan landskap seni dan budaya Kuala Lumpur dengan mempersembahkan pelbagai konsert menarik untuk musim 2022.

Sempena Syawal, DFP meraikan suasana Aidilfitri bersama MPO dengan memberikan penghormatan kepada komposer legenda, S Atan dalam *Konsert Cahaya Aidilfitri - A Tribute to S Atan* pada Sabtu, 14 Mei ini, jam 8.30 malam.

Konsert dipimpin Ahmad Muriz Che Rose itu bakal menampilkan penyanyi legenda tanah air seperti Datuk Jamal Abdillah, Jay Jay dan Azlina Aziz. Mereka berganding bahu bersama MPO mempersiapkan

rendisi simfonik lagu raya ikonik ciptaan S Atan seperti *Cahaya Aidilfitri*, *Dari Jauh Ku Pohon Maaf*, *Jogei Hari Raya* dan *Salam Aidilfitri*.

Selain itu, peminat R&B dan hip hop tempatan pastinya teru-

ja apabila kumpulan Ruffedge akhirnya bakal mengadakan konsert pertama di DFP pada Sabtu, 2 Julai, jam 8.30 malam.

Konsert diberi judul *Ruffera* itu akan menyaksikan kumpulan popular itu membawa peminat

mengimbau memori kegemilangan Ruffedge dengan mempersembahkan lagu hit seperti *Tiada Lagi Cinta*, *Bila Rindu*, *Tibah Tertipu*, *Lemas dan Da Bomb*.

Akhir sekali, penyanyi pop legenda tanah air, Datuk Aishah akan tampil dalam konsert yang dipimpin Ahmad Muriz menerusi konsert solo bertajuk *Aishah & MPO: A Symphonic Rendezvous* pada Sabtu, 6 Ogos, jam 8.30 malam.

Aishah pastinya mempamerkan vokal hebat dengan deretan lagu popularnya seperti *Seloka Rindu*, *Fatwa Pujangga*, *Kemauan Dendam Yang Terindah*, *Janji Manismu* dan *Camar Yang Pularang*.

Lagu-lagu itu akan diberikan nafas baru oleh MPO. Semua konsert itu pernah dijadualkan untuk musim 2020, namun terpaksa ditangguhkan akibat pandemik COVID-19.

Namun, ia dianjurkan semula atas sokongan dan permintaan peminat yang mahukan konsert diteruskan.

Untuk maklumat lanjut mengenai konsert, boleh layari laman web DFP di www.dfp.com.my.



Semua konsert pernah dijadualkan berlangsung pada 2020, namun ditunda sehingga tahun ini disebabkan pandemik COVID-19.